

Kaji had harga rumah milikan asing

Kerajaan Selangor mahu atasi lambakan rumah mewah tidak terjual

MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Kerajaan Selangor masih mengkaji had harga minimum rumah bagi pembeli yang terdiri daripada warga asing di negeri itu.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, ia masih dalam peringkat kajian melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Sela-

ngor bagi mengatasi lambakan rumah mewah yang tidak terjual di negeri itu.

"Kerajaan negeri masih di peringkat kajian. Saya sudah arahkan lembaga perumahan untuk membuat kajian semula terhadap angkanya mungkin penurunan atau mengekalkan dan sebagainya tapi kita belum buat keputusan. Saya harap dalam masa dua tiga minggu lagi kita akan dapat buat keputusan.

"Pada masa sama kita akan ada beberapa pertimbangan dan kita juga takkan mudah benarkan warga asing memiliki rumah ini kerana ia mempunyai kesan tidak baik," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan-



Amirudin (tiga dari kiri) bersama penjawat awam ketika Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor di Auditorium Dewan Jubli Perak semalam.

Jabatan Kerajaan Negeri Selangor di Auditorium Dewan Jubli Perak di sini semalam.

Katanya, penurunan had harga rumah untuk pemilikan asing dari RM1 juta ke-

pada RM600,000 seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 pada Jumaat lalu adalah sangat rendah.

"Jika diikutkan di Shenzhen, China bagi rumah seluas 1,000 kaki persegi

puratanya berharga antara RM5 juta ke RM6 juta jadi had pemilikan asing bernilai RM1 juta atau RM2 juta semestinya tidak mendatangkan masalah kepada mereka (warga asing).

"Sebagai langkah untuk menggalakkan lagi pemilikan rumah oleh golongan B40 dan rakyat negeri ini mendapat manfaat yang besar, kerajaan negeri akan memperkasakan lagi Program Rent To Own (RTO) yang mendapat peruntukan RM10 bilion," katanya.

Sebelum ini Menteri Kewangan, Lim Guan Eng dalam satu kenyataan berkata, kelonggaran mengurangkan nilai ambang dari RM1 juta ke RM600,000 untuk pemilikan asing kondominium dan pangsapuri tidak akan meniadakan hak pembeli tempatan.

Menurutnya, penurunan harga berkenaan melibatkan unit sedia ada yang tidak terjual dan merupakan kediaman yang tidak dapat menarik pembeli tempatan.